

KOSMO  
22/11/2015  
MIS 16

# Derita Jacinto dirogol 43,200 kali

Gadis mangsa pemerdagangan manusia di Mexico kongsi penderitaan sepanjang empat tahun dihumban ke dalam kancah pelacuran, ketika berusia 12 tahun.

**B**EBOLA mata Karla Jacinto, 23, ligat memerhatikan gelagat manusia di tengah-tengah sebuah taman bunga di Mexico City.


Selang beberapa minit kemudian, angka 43,200 terpacul keluar daripada mulut gadis tersebut.

Menurut Duta Besar Anti Pemerdagangan Manusia Amerika Syarikat, Susan Coppedge, angka tersebut merupakan jumlah Jacinto dirogol ketika menjadi mangsa pemerdagangan manusia kira-kira 11 tahun yang lalu.

Pengalaman terlibat di dalam lembah hina itu lantas membangkitkan semangat Jacinto untuk tampil ke hadapan dan membela nasib gadis-gadis malang yang menjadi mangsa pemerdagangan manusia sepertinya.

"Seawal usia 12 tahun, Jacinto ditiduri oleh 30 orang lelaki yang berlainan setiap hari dan perkara tersebut berlanjutan selama empat tahun berturut-turut.

"Pendedahan ini secara tidak langsung



**GADIS** ini menjadi pelacur di Guadalajara, sebuah bandar yang terkenal dengan jolokan sarang pelacuran.

dan berbudi bahasa, saya mula terpicat dan akhirnya menjalinkan hubungan cinta dengan lelaki itu," ujarnya.

**Kesah pelacuran**



**SEAWAL** usia 12 tahun Jacinto terlibat dalam aktiviti pemerdagangan manusia.



**JACINTO** dipaksa melayan 30 orang lelaki setiap hari.

memulakan 'kerjaya' tersebut, Jacinto dipaksa untuk melayan 30 orang lelaki setiap hari.

"Satu hari, ketika sedang melayan pelanggan, hotel kami diserbu oleh anggota polis.

"Hari tersebut merupakan hari yang bertuah bagi kami kerana setelah sekian lama, kami bakal hidup bebas seperti manusia yang lain.

"Bagaimanapun, kelegaan tersebut terhenti di situ apabila pegawai yang terlibat di dalam serbuan tersebut hanya cuba mengambil kesempatan ke atas

dirinya," jelasnya.

## Pembebasan

Menurut Jacinto, mereka diarahkan untuk berkumpul di dalam sebuah bilik sebelum aksi-aksi mereka dirakam.

"To sungeuh maniiikkan. Mereka sadar kami

membuka rahsia kekejaman pemerdagangan manusia di Mexico dan Amerika Syarikat yang melibatkan ribuan kanak-kanak seperti Jacinto sebagai mangsa," jelasnya.

Menurut Jacinto, dia terlibat dalam lembah hina itu ketika berusia 12 tahun selepas berkenalan dengan teman lelakinya, John.

"Saya datang daripada keluarga yang berpecah-belah. Perkara tersebut menyebabkan saya gemar bergaul bebas.

"Saya mengenali John yang pada waktu itu berusia 22 tahun ketika sedang menunggu seorang teman di sebuah stesen bas. Melihatkan perwatakannya yang mesra

## Kanakah pelacuran

Kurang seminggu mengenali John, Jacinto mengambil keputusan untuk tinggal bersama lelaki tersebut.

Menurut Jacinto, dia dilayan seperti seorang puteri dan hidup mewah di dalam sebuah apartmen di pinggir Mexico City.

Bagaimanapun, layanan istimewa tersebut hanya diterimanya tiga bulan sahaja sebelum Jacinto akhirnya dijadikan sebagai pelacur.

Dia dipaksa bekerja sebagai pelacur dan di bawa ke Guadalajara, salah satu bandar raya yang terkenal dengan aktiviti pelacuran terbesar di Mexico.

"Saya disuruh untuk melakukan pekerjaan terkutuk itu pada pukul 10 pagi dan hanya selesai pada tengah malam.

"Setiap hari, saya dipaksa untuk melayan 20 orang lelaki. Sehingga ke satu tahap, saya menangis kerana terlalu sakit. Bagaimanapun, perbuatan tersebut langsung tidak menimbulkan rasa simpati mereka, malah mereka mentertawakan saya," jelasnya.

Ujar Jacinto, dia juga dihantar ke bandar-bandar lain selain ke rumah pelacuran, motel dan jalan-jalan yang popular dengan jolokan sarang pelacuran.

Tiada sebarang cuti baginya, dan beberapa minggu selepas

"Ta sungguh menjijikkan. Mereka sedar kami merupakan remaja di bawah umur, namun mereka langsung tidak bersimpati dengan nasib yang menimpa kami.

"Lebih menyedihkan apabila ada antara kami baru berusia 10 tahun," jelasnya yang pada waktu itu berusia 13 tahun.

Menurut Jacinto, dirinya diibaratkan sebagai sudah jatuh ditimpa tangga apabila disahkan hamil.

"Saya tidak pasti siapa bapa kepada bayi tersebut memandangkan setiap hari saya terpaksa melayan 30 orang lelaki.

"Ketika bayi tersebut dilahirkan, saya berusia 15 tahun. Setahun membesarkan bayi tersebut, John menjualnya kepada individu yang tidak dikenali," jelasnya.

Jacinto bagaimanapun berjaya keluar daripada kancah pelacuran tersebut pada tahun 2008 dalam satu operasi anti-pemerdagangan manusia yang dilakukan secara besar-besaran di Mexico City.

Pengalaman pahit beliau selama empat tahun sangat panjang sehingga menjadi trauma seumur hidupnya.

Jacinto yang kini berusia 23 tahun merupakan seorang peguam bela dan lantang menentang aktiviti pemerdagangan manusia.

Pengalaman pahit sebagai seorang pelacur selama empat tahun mula membuka mata dunia selepas tragedi tersebut sering dikongsinya pada persidangan dan acara-acara awam.



JACINTO kini aktif mempertahankan nasib gadis-gadis malang sepertinya.